



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
JULAI-NOVEMBER 2005

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh:

MOHD SYUKRI BIN MOHD NORDIN

2002286175

bertajuk

LAPORAN

CADANGAN MEREKABENTUK DALAMAN
KEDAI CREATIVE, NO.39 JALAN SULTAN AZLAN SHAH UTARA
TAMAN IPOH SELATAN,
31400 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : EN.PROF.MADYA RUSNI ABDUL GHANI @ ABDUL RANI

Koordinator : PN. RAMLAH BINTI AWI

Ketua Kursus : CIK MAWAR BINTI MASRI

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t , syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat saya menyempurnakan Laporan Projek Akhir bagi Cadangan Merekabentuk Ruang Dalaman Kedai Creative yang terletak di NO.39 Jalan Sultan Azlan Shah Utara,Taman Ipoh Selatan,31400, Ipoh, Perak Darul Ridzuan sebagai antara syarat bagi mendapatkan diploma daripada pihak Jabatan Senibina Dalaman, Universiti Teknologi Mara.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada :

- I. Pn Ramlah Binti Awi selaku penasihat dan Ketua program yang telah banyak memberi dorongan, bantuan dan nasihat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan laporan projek akhir ini. Tidak lupa juga kepada Cik Mawar Binti Masri selaku pensyarah dan Koordinator program THESIS (THE 386) yang memberi panduan dan pemantauan yang baik sepanjang semester ini.
- II. En Fakhul Zaman, En Zulkarnain Hazim dan Pn Siti Rohamini selaku koordinator dan panel studio semester 6 yang telah banyak memberi dorongan dan nasihat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan projek ini.
- III. Terima kasih juga kepada ibu bapa yang banyak memberi dorongan dan sokongan
- IV. Rakan-rakan semester 06 yang banyak memberi pertolongan sepanjang pengajian semester ini.

Sekian

Terima Kasih.

ABSTRAK

Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat diploma adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek proses rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan reka bentuk. Produk pilihan untuk projek ini adalah Kedai Creative, NO.39 Jalan Sultan Azlan Shah Utara, Taman ipoh Selatan, 31400, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan produk barangan Creative yang berkonsepkan Teknologi dan multimedia dengan kualiti yang tinggi kepada penduduk Perak Tengah. Adanya kedai ini, ia dapat membuka mata generasi muda sekarang tentang teknologi produk Creative. Kaedah pengkajian yang dijalankan terhadap projek ini berdasarkan pemerhatian terhadap kedai barangan komputer saingan serta melalui perbandingan dalam dan luar negara. Justeru, satu perancangan yang teliti telah dibuat sebelum merekabentuk kedai barangan multimedia ini. Diharap rekabentuk ini memberi manfaat kepada semua samada pelancong asing mahupun rakyat di negara ini.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ISI KANDUNGAN

BAB 1		m/s
1.0	Pengenalan	4
1.1	Pengenalan kajian	4
	1.1.1 Matlamat	4
	1.1.2 Objektif	5
	1.1.3 Metodologi	6
	1.1.4 Kepentingan kajian	7
1.2	Klien	
	1.2.1 Latar belakang klien	
	1.2.1.1 Sejarah penubuhan	8
	1.2.1.2 Alamat pejabat operasi	9
	1.2.2 LOGO	
	1.2.2.1 Warna-warna korporat	9
	1.2.2.2 Motto / Tema ect.	9
	1.2.3 CARTA ORGANISASI	10

BAB 1.0

1.0 PENGENALAN

Cadangan untuk merekabentuk dalaman kedai untuk produk komputer Creative di No.39 Jalan Sultan Azlan Shah Utara, Taman Ipoh Selatan, 31400 Perak untuk tetuan REDCOM computer SDN. BHD.

1.1 PENGENALAN KAJIAN

1.1.1 MATLAMAT

1. Sasaran pembeli untuk produk ini adalah golongan muda iaini golongan remaja, pelajar dan untuk pengemar barang komputer serta audio yang berumur dari 20 hingga ke golongan dewasa yang berumur.
2. Untuk memperkenalkan produk-produk keluaran Creative yg terkini.
3. Menjadikan kedai ini sebagai pusat untuk peminat-peminat produk Creative mendapatkan produk-produk kegemaran mereka seperti pelbagai aksesori keluaran seta perhikmatan yang dijual oleh pihak Creative.